



KERATAN AKHBAR

SURAT KHABAR	:	BERITA HARIAN		
TARIKH	:	7/1/2020	MUKA SURAT	: 10
JABATAN	:	SPAN		
KLASIFIKASI	:	PERHATIAN		

Kenaikan tarif air usah beban rakyat

Ramai kurang senang berbicara soal tarif baharu bekalan air, terutama membayangkan risiko kenaikan kadar tarif. Ia logik kerana tiada sesiapa pun gembira jika tiba-tiba perlu membayar lebih berbanding biasa. Tambahan pula air keperluan utiliti paling utama.

Bagi negeri yang mampu mengekalkan kadar tarif sedia ada, pujian kita berikan. Jika sebaliknya berlaku, jangan sampai ia membebankan. Sebagai kerajaan yang bertanggungjawab, seharusnya usaha meringankan beban rakyat perlu sentiasa diberi keutamaan.

Kita akui untuk mengelak krisis bekalan air, mutu perkhidmatan perlu dipertingkatkan agar aset air sentiasa kompeten. Pastinya ini membabitkan kos dan nilai pelaburan besar, malah mungkin mendatangkan impak kepada tarif air sedia ada. Sebagai pengguna kita harus sedar risiko ini.

Satu lagi, inisiatif menjaga sumber bekalan air perlu ada agar ia tidak terdedah pencemaran. Bayangkan kos penyelenggaraan difanggung setiap kali pencemaran berlaku. Jika ini berterusan mungkin jangka hayat aset sedia ada akan lebih singkat dan penambahbaikan serta penyelenggaraan aset juga perlu lebih kerap. Sanggupkah kita untuk menanggung lagi kenaikan tarif selepas itu?